

PROMOSI RAMADAN DAN RAYA 2026 CONNECT ([English Version](#))

Kemas Kini Terakhir 16 Februari 2026

TEMPOH PROMOSI

"Promosi Ramadan dan Raya 2026 Connect" ("**Promosi**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") ("selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 9 Mac 2026 dan berakhir pada 8 Mei 2026 ("**Tempoh Promosi**"), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka untuk pelanggan individu yang merupakan pengguna HLB Connect baharu dan sedia ("**HLB Connect**") dan memiliki Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB ("**CASA/CASA-i**") HLB Meezani Akaun-i dan/atau Kad Kredit HLB ("**Kad Kredit**") (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan**").
2. Pihak Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang:
 - (a) pernah melakukan, sama ada pada masa lalu atau semasa Tempoh Promosi, atau jika pihak Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana transaksi mungkin melibatkan sebarang perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah laku berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank.
 - (b) menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (c) telah melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi ini, terma dan syarat CASA/CASAI dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect ("**Terma dan Syarat yang Terpakai**") pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
 - (a) Bagi pengguna baharu HLB Connect: **mendaftar untuk HLB Connect, melakukan transaksi yang layak ("**Transaksi yang Layak**") dan memperoleh mata ("**Connect Points**")** seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di bawah; ATAU
 - (b) Bagi pengguna sedia ada HLB Connect: **log masuk HLB Connect, melakukan Transaksi yang Layak** seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di bawah **dan memperoleh Connect Points**.

(Pelanggan yang telah memenuhi keperluan berkaitan syarat yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas selepas ini akan dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**").

4. Pelanggan yang Layak yang memenuhi mana-mana satu daripada syarat yang ditetapkan di bawah Klausula 3 di atas akan layak dipertimbangkan untuk memenangi senarai hadiah wang tunai ("**Hadiah Tunai**"), seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) di bawah.
5. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Tunai, pihak Bank akan memberikan Connect Points kepada setiap Pelanggan yang Layak bagi setiap Transaksi yang Layak yang berjaya dilaksanakan sepanjang Tempoh Promosi, seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 2](#) di bawah. Pelanggan yang Layak yang terlebih dahulu mencapai jumlah Connect Points tertinggi, seperti yang ditentukan oleh pihak Bank, akan memenangi Hadiah Tunai ("**Pemenang Hadiah Tunai**") berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat, sehingga jumlah pemenang bagi setiap Kategori Hadiah Tunai telah diagihkan sepenuhnya seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) di bawah.

Jadual 1: Hadiah Tunai dan Pemilihan Pemenang

Kategori Hadiah Tunai	Keperluan & Pemilihan Pemenang	Bilangan Pemenang
Hadiah Pertama: Hadiah Tunai RM30,000	• Pelanggan yang Layak dengan Connect Points tertinggi pada akhir Tempoh Promosi. • Pemenang Hadiah Pertama tidak layak memenangi Hadiah Tunai lain di bawah Promosi ini.	1
Hadiah Kedua: Hadiah Tunai RM10,000	• Pelanggan yang Layak dengan Connect Points kedua dan ketiga tertinggi pada akhir Tempoh Promosi. • Pemenang Hadiah Pertama tidak layak memenangi Hadiah Tunai lain di bawah Promosi ini.	2
Hadiah Ketiga: Hadiah Tunai RM5,000	• Pelanggan yang Layak dengan Connect Points keempat hingga keenam tertinggi pada akhir Tempoh Promosi. • Pemenang Hadiah Pertama tidak layak memenangi Hadiah Tunai lain di bawah Promosi ini.	3
Duit Raya Connect: Hadiah Tunai RM20	• 875 Pelanggan yang Layak terawal melaksanakan dua puluh (20) transaksi DuitNow QR ("POS QR") kepada mana-mana peniaga tempatan melalui HLB Connect sepanjang Tempoh Promosi akan dipilih sebagai pemenang Duit Raya Connect.	1,750

	875 Pelanggan yang Layak terawal melaksanakan dua puluh (20) transaksi FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets melalui HLB Connect sepanjang Tempoh Promosi akan dipilih sebagai pemenang Duit Raya Connect.	
--	---	--

Jadual 2: Transaksi yang Layak

Transaksi yang Layak	Connect Points	Maksimum Connect Points Harian	Maksimum Connect Points Sepanjang Tempoh Promosi
Melaksanakan Pindahan Wang ke Luar Negara (min. RM1,000 setiap pindahan) melalui HLB Connect Online.	20	60	3,660
Melakukan pembayaran menggunakan FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect Online, menggunakan Akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-i .	20	100	6,100
Melakukan pembayaran menggunakan FPX atau DuitNow Online Banking/Wallets (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect Online, menggunakan Kad Kredit	30	150	9,150
Melakukan Pembayaran Bil (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect, menggunakan Akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-i .	20	100	6,100
Melakukan Pembayaran Bil (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect, menggunakan Kad Kredit .	30	150	9,150
Melakukan QR Rentas Sempadan kepada peniaga asing (min. RM50 setiap pembayaran) melalui	8	24	1,464

HLB Connect App.			
Melakukan Pembayaran DuitNow QR ("POS QR") kepada mana-mana peniaga tempatan (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App, menggunakan Akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-i .	20	100	6,100
Melakukan Pembayaran DuitNow QR ("POS QR") kepada mana-mana peniaga tempatan (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App, menggunakan Kad Kredit .	30	150	9,150
Melakukan Tambah Nilai Prabayar (min. RM10 setiap tambah nilai) melalui HLB Connect.	10	30	1,830
Melakukan Pembayaran DuitNow QR ("PRP QR") kepada keluarga dan rakan-rakan (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect App.	5	20	1,220
Membuat Pindahan DuitNow ke Nombor Mudah Alih, Kad Pengenalan/Pasport/Pendaftaran Perniagaan (min. RM10 setiap pindahan) melalui HLB Connect.	5	20	1,220
Memohon Kad Kredit (Kad baharu sahaja) melalui HLB Connect (Connect Points akan diberikan untuk penyerahan permohonan yang berjaya.)	500	500	500
Memohon Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i melalui HLB Connect (Connect Points akan diberikan untuk penyerahan permohonan yang berjaya.)	300	300	300
Memohon Quick Cash/Pindahan Baki/Pelan Pembayaran Flexi melalui HLB Connect (Connect Points akan diberikan untuk	100	300	900

penyerahan permohonan yang berjaya.)			
Melanggan dana Baharu dalam Akaun Pelaburan Berjangka-i melalui HLB Connect Online (Connect Points akan diberikan untuk penyerahan permohonan yang berjaya.) <u>Nota: Akaun Pelaburan Berjangka-i tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Akaun Pelaburan Berjangka-i.</u>	20	40	2,440
Melabur unit Baharu atau tambah nilai dana Unit Amanah sedia ada dengan HLB Wealth (min. RM50 setiap dana unit amanah) melalui HLB Connect Online. (Connect Points diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya. <u>Pelaburan Unit Amanah tidak dilindungi oleh PIDM.</u> Wang yang dikeluarkan daripada deposit diinsuranskan anda tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika pindahkan ke Skim Unit Amanah/Unit Amanah Islam).	50	150	9,150
Melabur dasa ASBN baharu atau tambah nilai dana sedia ada (min. RM100 setiap pelaburan) melalui HLB Connect Online. (Connect Points diberi untuk penyerahan permohonan yang berjaya. <u>Akaun ASBN tidak dilindungi oleh PIDM.</u> Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke dalam Akaun ASNB).	10	50	3,050
Meletakkan eDeposit Tetap/-i ("eFD/eFD-I") melalui HLB Connect (Connect Points akan diberikan untuk penyerahan permohonan yang berjaya.)	100	200	1,000
Tukar MYR ke mata wang asing (min. RM200 setiap pertukaran) dengan Akaun	20	40	2,440

HLB Pay&Save/-i atau Akaun HLB Wallet/-i Pelbagai Mata Wang Akaun melalui HLB Connect App.			
Memohon polisi Insurans melalui HLB Connect App (Permohonan insurans yang berjaya dimulakan dan dilengkapkan melalui HLB Connect App) Nota1	100	300	600
Memohon pembukaan akaun HLB CASA/CASA-i melalui Apply@HLB (Permohonan pembukaan akaun melalui Apply@HLB App) Nota1	500	500	500
Menghubungkan akaun HLB Malaysia CASA/CASA-i dengan akaun HL Bank Singapore melalui LINKS di HLB Connect Nota1	500	500	500
Membayar Zakat, Wakaf & Sadaqah (min. RM10 setiap pembayaran) melalui HLB Connect Online Nota1 <i>Connect Points hanya diberikan bagi pembayaran yang dibuat kepada institusi berdaftar yang disenaraikan dalam HLB Connect Online pada masa transaksi dilakukan. Pembayaran kepada biler, organisasi atau akaun lain, walaupun sama dari segi jenis atau keterangan, tidak layak menerima Connect Points.</i>	1,000	3,000	15,000

Nota1 Connect Points yang diterima daripada transaksi berjaya ini **TIDAK** akan dipaparkan dalam halaman Connect Points Tracker anda. Connect Points ini hanya akan dimasukkan dalam pengiraan jumlah keseluruhan Connect Points anda oleh pihak Bank pada akhir Tempoh Promosi.

6. Setiap **Pemenang Hadiah Tunai** hanya layak menerima satu (1) Hadiah Tunai sahaja (iaitu Hadiah Pertama, Kedua, Ketiga atau Duit Raya Connect) sepanjang Tempoh Promosi.
7. Pemenang yang telah diumumkan dalam Promosi HLB Connect sebelumnya seperti berikut **TIDAK** layak memenangi Hadiah dalam Promosi ini:
 - (i) Promosi Akhir Tahun 2025 HLB Connect: Pemenang Connect Champion dan Pemenang Champion Harian;
 - (ii) Promosi HLB Connect Lakukan Transaksi & Menang Percutian Impian Anda: Pemenang Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga;
 - (iii) Promosi Ramadan dan Raya HLB Connect 2025: Pemenang Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga

8. Kakitangan tetap, kontrak dan/atau sementara atau pekerja Bank ini yang terlibat secara langsung **TIDAK** layak memenangi Hadiah Tunai.

HALAMAN POINTS TRACKER

9. Pelanggan yang Layak yang berjaya melaksanakan sebarang Transaksi yang Layak seperti yang disenaraikan dalam [Jadual 2](#) di atas (kecuali Transaksi yang Layak yang dipaparkan dalam **Nota 1** di atas) dalam Tempoh Promosi boleh melihat Connect Points mereka di Halaman Points Tracker. Halaman Points Tracker boleh diakses dengan log masuk ke HLB Connect Online atau HLB Connect App dan klik pada banner Points Tracker di HLB Connect App dan butang Points Tracker di HLB Connect Online.
10. Transaksi yang tidak berjaya atau tidak lengkap (contohnya tamat masa sistem) di mana Pelanggan yang Layak melakukan Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan dalam [Jadual 2](#) di atas tetapi tidak melengkapkan transaksi, tidak layak menerima sebarang Connect Points.
11. Untuk Transaksi yang Layak di mana status transaksi tidak tersedia serta-merta, Connect Points akan ditambah pada hari Transaksi yang Layak yang dilakukan setelah Transaksi yang Layak telah berjaya dilaksanakan.
12. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada Connect Points, Connect Points yang dikira oleh pihak Bank selepas tamatnya Promosi ini akan dianggap tepat dan muktamad.

PENGUMUMAN DAN PEMENUHAN PEMENANG

13. Senarai Pemenang akan disiarkan di <https://www.hlb.com.my/connectraya> ("**Laman Web Promosi**") **selewat-lewatnya pada 26 Jun 2026** dan akan dimaklumkan oleh pihak Bank melalui pemberitahuan tolak HLB Connect App ("**Pemberitahuan Aplikasi**"), Short Message System ("**SMS**") atau emel **selewat-lewatnya pada 30 Jun 2026**. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melayari Laman Web Promosi pada tarikh yang ditetapkan.
14. Hadiah Tunai akan dikreditkan ke akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-i milik Pemenang Hadiah Tunai yang diselenggara dengan pihak Bank **selewat-lewatnya pada 10 Julai 2026**. Sehubungan itu, Pemenang Hadiah Tunai mestilah mempunyai akaun CASA/CASA-i atau Akaun HLB Meezani-I yang aktif dan sah sehingga **10 Julai 2026**, jika gagal Hadiah Tunai tersebut akan dibatalkan.
15. Semua Hadiah Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar kepada kredit pendahuluan, cek atau manfaat dalam bentuk barangan.
16. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah Tunai disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.

AM

17. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:

- (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima, mengakui dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang Terpakai;
- (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang Hadiah dan pemenang Pulangan Tunai adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan;
- (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
- (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nombor telefon kepada Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau alamat e-mel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) dan mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi Promosi ini;
- (v) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih, alamat e-mel dan alamat rumah/tempat kerja dan secara segera memaklumkan pihak Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya pihak Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, atau SMS dan/atau e-mel tidak sampai, jika berkenaan, disebabkan oleh nombor mudah alih, alamat e-mel dan/atau alamat rumah/tempat kerja yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak tidak tepat/tidak sah atau SMS, e-mel dan/atau pemenuhan/penghantaran Baucar Percutian tidak dapat disampaikan atas apa juga sebab;
- (vi) bersetuju dan membenarkan pihak Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) para Pemenang bagi tujuan pengumuman Pemenang tanpa bayaran untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
- (vii) bersetuju untuk menyemak Laman Web Promosi dengan kerap untuk melihat T&S kepada Promosi dan untuk terus mengikuti perubahan atau variasi kepada T&S;
- (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan yang Layak memiliki simpanan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS dan/atau e-mel dan ketersediaan dan kualiti perkhidmatan telefon mudah alih/penyedia perkhidmatan rangkaian internet yang berkenaan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya berlaku seperti:
 - (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau;
 - (b) sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak.(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").

Oleh yang demikian, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang transmisi SMS dan/atau e-mel dari Bank dan begitu juga sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan diproses;

- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
- (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.

18. Pihak Bank berhak:

- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyiarkan melalui Laman Web Promosi;
- (ii) membatalkan Hadiah Tunai yang diperoleh sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat yang Terpakai; dan
- (iii) untuk menarik balik Hadiah Tunai sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan dan/atau pelanggaran terhadap Terma dan Syarat yang Terpakai atau sekiranya Hadiah Tunai telah diberikan secara tersilap atau berulang kali oleh pihak Bank.

19. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang Terpakai hendaklah dibaca bersama-sama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.

20. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang tersenarai di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.

21. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

22. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Produk-produk CASA/CASA-I dan eFD/eFD-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit ([rujuk Produk yang Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

Produk CASA-i adalah akaun deposit berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Insurans ditaja jamin oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (197901002705) (46983-W), dan diedarkan oleh Hong Leong Bank Berhad. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk kepada Risalah TIPS PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (<https://www.msig.com.my>) atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my). Bank tidak menerima tanggungjawab atau liabiliti untuk pelan atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.

Akaun HLB Meezani-i tidak dilindungi oleh PIDM.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.